

Maklumat berpusat bantu atasi keciciran, ketirisan

Kuala Lumpur: Pangkalan data berpusat Bumiputera mampu membantu kerajaan membuat keputusan lebih baik dalam membantu aspek sosioekonomi golongan itu, sekali gus mengatasi keciciran dan ketirisan ekoran tiadanya maklumat bersifat terkini.

Selama ini, negara disifatkan bergantung kepada maklumat tidak terkini kerana proses kajian yang mengambil masa bertahun-tahun, sedangkan maklumat sentiasa berubah setiap bulan dan tahun.

Penganalisis ekonomi dari Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Madya Dr Irwan Shah Zainal Abidin, yakin pangkalan data itu dapat 'memandu' usaha kerajaan memastikan ekuiti pemilikan Bumiputera mencapai 30 peratus seperti digariskan melalui Dasar Ekonomi Baharu (DEB) sebelum ini.

Beliau berkata, berbekalkan teknologi terkini seperti data raya dan kecerdasan buatan (AI), pangkalan data itu dijangka mampu

meramalkan keadaan lebih tepat berhubung kedudukan sosioekonomi Bumiputera yang mungkin ada kelompangan.

"Sejak DEB pada 1970 hingga 1990, sasaran pencapaian ekuiti Bumiputera sebanyak 30 peratus masih tidak tercapai. Apabila Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, menyebut peratusan ekuiti golongan itu pada 16 peratus, saya rasa pangkalan data itu amat diperlukan kini.

"Sangat penting agenda Bumiputera dimasukkan dalam kerangka nasional berikutan isu kemiskinan majoritinya adalah dalam kalangan golongan itu, terutama selepas penilaian semula garis kemiskinan negara. Justeru, langkah terbaik adalah memperkenalkan pangkalan data untuk kita kenal pasti golongan sasaran," katanya.

Beliau berkata, dalam menemupuh COVID-19, ramai Bumiputera khususnya dalam sektor pekerjaan tidak rasmi terjejas dan susulan itu, perlu dasar lebih bersifat menyeluruh berpandukan



Sangat penting agenda Bumiputera dimasukkan dalam kerangka nasional berikutan isu kemiskinan majoritinya adalah dalam kalangan golongan itu.

Irwan Shah Zainal Abidin,
Penganalisis ekonomi UUM

pangkalan data supaya tahap sosioekonomi golongan ini dapat dibangkitkan semula.

Prof Madya Dr Shazida Jan Mohd Khan dari universiti sama, berkata selama ini Malaysia bergantung kepada kajian dibuat dalam tempoh beberapa tahun sehingga tidak bersifat terkini, sedangkan maklumat berubah setiap tahun.

Beliau berkata, ketepatan pangkalan data berteknologi adalah tinggi dan sentiasa dikemas kini, justeru kerajaan boleh menyalurkan bantuan berdasarkan maklumat betul, selain boleh menilai kelemahan Bumiputera dan kehendak golongan itu dalam aspek sosioekonomi.

"Kalau kita tengok di luar negara, mereka jauh ke depan di mana wujud pangkalan data yang bersifat akses terbuka, kita pula bergantung kepada Jabatan Perangkaan yang mempunyai keanginan sendiri kerana tidak boleh buat setiap tahun.

"Jika tiada pangkalan data, kadang kala keputusan dibuat itu

tidak begitu memenuhi kehendak Bumiputera, sekali gus boleh mengakibatkan ketirisan dan kerugian kepada kerajaan kerana berpandukan kepada maklumat tidak terkini.

"Kita perlu membangunkan sesuatu berdasarkan keperluan, kemahiran dan kemahuan di sesuatu kawasan Bumiputera itu, contohnya apa jenis perniagaan yang mereka sesuai ceburi dan siapa yang perlu dan tidak perlu menerima bantuan, jika ada pangkalan data tentu kerajaan boleh melakukan pelbagai inisiatif," katanya.

Beliau berkata, agensi kerajaan yang membangunkan pangkalan data itu perlu pergi lebih jauh dengan memasukkan elemen berhubung apa tindakan susulan bagi mengatasi isu berkaitan sosioekonomi Bumiputera itu.

"Pangkalan data ini boleh membantu dengan syarat perlu adanya prosedur operasi standard (SOP) dan dipantau dengan betul, kadangkala kita ada sistem yang baik, namun pelaksanaannya pula tidak baik," katanya.